

**KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYAURAT
MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**CADANGAN PERMOHONAN BAYARAN INSENTIF
TAMBAHAN ANTARA RM1000 HINGGA RM 2000
UNTUK DOKTOR YANG BERKHIDMAT DI PEDALAMAN**

1. PENGENALAN

Profesion doktor dikenali sebagai profesion yang mulia. Doktor sentiasa bersedia menyahut seruan kerajaan dengan menunjukkan perkhidmatan terbaik di kawasan pedalaman bahkan di kawasan terpencil seperti Semporna dan Gua Musang. Pegangan hidup berkorban bakti disemai semenjak para doktor berada di fakulti perubatan lagi untuk membolehkan mereka bekerja meninggalkan kesenangan dan kecanggihan di kota.

2. OBJEKTIF

Objektif kertas cadangan ini adalah seperti berikut:

- 2.1 Memberi Bayaran Insentif Tambahan antara RM 1000 hingga RM 2000 kepada doktor yang berkhidmat di kawasan pedalaman.
- 2.2 Menghargai khidmat doktor yang sanggup meninggalkan kemodenan untuk berkhidmat memenuhi keperluan perubatan penduduk luar bandar.
- 2.3 Memastikan para doktor dibayar saraan setimpal dengan sumbangan mereka kepada masyarakat.

3 ASAS PERTIMBANGAN

3.1 Kekosongan jawatan doktor yang bertugas di Sabah/Sarawak

Jumlah bilangan jawatan yang tidak diisi di Sabah dan Sarawak adalah amat tinggi. Untuk menarik doktor bertugas di sana maka dicadangkan pemberian elaun insentif. Berikut adalah jumlah perjawatan:

Kedudukan Jawatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pakar Perubatan Di JKN Sarawak

	Jawatan	Isi	Kosong
Pegawai Pakar Perubatan Gred UD44-Khas	182	98	84
Pegawai Perubatan Gred UD41-Khas	1711	550	1161

Kedudukan Jawatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pakar Perubatan Di JKN Sabah

	Jawatan	Isi	Kosong
Pegawai Pakar Perubatan Gred UD44-Khas	181	78	103
Pegawai Perubatan Gred UD41-Khas	1711	536	1175

3.2 Bayaran Insentif Tambahan (BIT) kepada Guru

Bayaran Insentif Tambahan telahpun diperkenalkan kepada guru-guru yang berkhidmat di pedalaman pada awal tahun 2007. Pada dasarnya, kawasan pedalaman dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Pedalaman 1, Pedalaman 2 dan Pedalaman 3 berasaskan jarak kawasan itu dari bandar dan tahap kesusahan di tempat itu. Pedalaman 1 melayakkan guru dibayar

BIT sebanyak RM 500, Pedalaman 2 sebanyak RM 1000 dan Pedalaman 3 sebanyak RM1500. BIT boleh dipanjangkan kepada para doktor atas dasar kedua-dua kelompok tergolong dalam kumpulan yang sama dari segi tempat mereka bertugas.

3.2 Tahap Kesusahan di pedalaman dan kawasan terpencil

Sesetengah kawasan yang ditakrifkan sebagai pedalaman terlalu terkebelakang dari segi infrastruktur sehingga tidak dapat dihubungkan dengan rangkaian pengangkutan awam seperti bas dan teksi. Jaringan pengangkutan yang ada hanya kereta api, pesawat ringan dan perahu. Apabila menyeberangi sungai, para doktor menghadapi risiko dibaham buaya terutama Bujang Senang di Sarawak.

Doktor yang masih bujang juga terpaksa tinggal berjauhan dengan kekasih, keluarga serta sanak saudara yang lain. Doktor yang sudah berkahwin pula meninggalkan kesenangan hidup di kota dan perancangan hidup bagi keluarga. Pendek kata, perkhidmatan di kawasan pedalaman menuntut pengorbanan yang besar daripada para doktor.

3.3 Menghindari 'Brain Drain'

Profesion doktor menghadapi tarikan yang amat kuat daripada sektor swasta. Doktor ditawarkan pelbagai habuan jauh melebihi tawaran daripada sektor awam. Bagaimanapun, sesetengah doktor tidak mahu meninggalkan sektor awam kerana sayang akan konsep berkhidmat secara ikhlas untuk rakyat kerana negara. Sikap ini perlu dihargai dengan pemberian elaun dan bayaran tambahan semata-mata dengan hasrat mengekalkan bilangan doktor dalam sektor kerajaan.

Akhbar 'The Star' bertarikh 13.4.2008 menyiarkan berita mengenai pelajar jurusan perubatan pemegang Biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam enggan pulang ke Malaysia setelah menamatkan pengajian di luar negara. Jika lebih ramai pelajar memilih untuk terus tinggal dan berkhidmat di luar negara, tentulah bekalan doktor dalam negara akan berkurangan. Oleh yang demikian, kerajaan perlu memberi insentif tambahan bagi memastikan doktor yang sedia berkhidmat dengan kerajaan tidak meninggalkan perkhidmatan awam.

4 SYOR-SYOR

- 4.1 Membayar BIT antara RM1000 hingga RM2000 kepada doktor yang berkhidmat di pedalaman mengikut kod kawasan Pedalaman 1, Pedalaman 2 dan Pedalaman 3.
- 4.2 Pemberian BIT tidak meluputkan saraan, elaun dan bayaran lain yang sedia diberi kepada doktor.

5 PENUTUP

Para doktor sanggup berkhidmat di pedalaman di tengah segala keperitan didorong oleh faktor kepuasan diri. Integriti, komitmen, keikhlasan dan sumbangan mereka perlu dibalas dengan saraan yang setimpal. Pihak kerajaan akan beroleh manfaat walaupun terpaksa mengeluarkan perbelanjaan tambahan kerana usaha mengekalkan para doktor dalam sektor awam adalah kritikal dan perlu ditangani secara bijak.

